



17 Mei 2024
17 May 2024
P.U. (A) 127

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN (PENGECUALIAN) 2024

LABUAN BUSINESS ACTIVITY TAX (EXEMPTION) ORDER 2024

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

PERINTAH CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN (PENGECUALIAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 26(1) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pengecualian) 2024**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2028.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, “aktiviti yang layak” ertinya aktiviti perdagangan Labuan berhubung dengan kewangan Islam bagi sektor yang dipromosikan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual.

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan suatu entiti Labuan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, daripada pembayaran cukai berkenaan dengan apa-apa pendapatannya yang diperoleh daripada suatu aktiviti yang layak.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan entiti Labuan itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun bank atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

Akaun dan punca berasingan

4. (1) Jika suatu entiti Labuan menjalankan suatu aktiviti yang layak, dan aktiviti atau perniagaan selain aktiviti yang layak, setiap aktiviti atau perniagaan itu hendaklah dikira sebagai suatu punca aktiviti atau perniagaan berasingan dan berlainan bagi entiti Labuan itu.

(2) Entiti Labuan yang diberikan pengecualian di bawah subperenggan 3(1) hendaklah menyenggara suatu akaun berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap aktiviti atau perniagaan yang disebut dalam subperenggan (1).

JADUAL

(1) No.	(2) Entiti Labuan	(3) Aktiviti yang layak
1.	Bank Labuan, bank pelaburan Labuan, bank Islam Labuan atau bank pelaburan Islam Labuan	<p>Perniagaan perbankan Islam yang memanfaatkan penyelesaian digital dan mematuhi prinsip Syariah bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mendapatkan dana; (b) menguruskan risiko termasuk risiko kredit, mata wang dan faedah; (c) mengambil kedudukan perlindungan nilai; (d) menyediakan pembiayaan atau perkhidmatan kewangan lain kepada pelanggan; (e) menguruskan modal kawal selia; (f) menyediakan laporan kawal selia dan penyata; (g) mengambil deposit untuk bank Islam Labuan dan bank Labuan yang diluluskan untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam Labuan; (h) menyediakan khidmat perundingan dan nasihat yang berhubungan dengan perkara pelaburan termasuk berurusan dalam sekuriti atau membuat dan mengurus pelaburan Islam

(1) No.	(2) Entiti Labuan	(3) Aktiviti yang layak
2.	Syarikat tampang kredit Labuan atau syarikat tampang kredit Islam Labuan	<p>Pengeluar Tampang Digital Islam yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mengeluarkan tampang kredit Islam atau tampang sekuriti Islam melalui teknologi dibina sedia atau teknologi khidmat luar; (b) menyediakan dompet dalaman (dompet panas dan sejuk) bagi penyimpanan tampang digital Islam dan diluluskan sebagai pengendali sistem bayaran
3.	Pengurus kumpulan wang Labuan	<p>Menyediakan perkhidmatan pengurusan dana yang berdasarkan prinsip Syariah dan penggunaan penyelesaian digital berkenaan dengan sekuriti Islam termasuk tampang sekuriti Islam bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) perkhidmatan pengurusan; (b) nasihat pelaburan; (c) perkhidmatan pentadbiran; (d) urus niaga sekuriti
4.	Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan	<p>Menjalankan perniagaan Bursa Islam yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) berdasarkan prinsip-prinsip Syariah dan penggunaan penyelesaian digital dalam— <ul style="list-style-type: none"> (i) penyenaraian; (ii) perlesenan; atau (iii) perdagangan; atau

(1) No.	(2) Entiti Labuan	(3) Aktiviti yang layak
		<i>(b)</i> berdasarkan kaedah-kaedah dan undang-undang kecil Bursa, perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pasaran sekuriti dan instrumen kewangan

Dibuat 10 Mei 2024
 [Perb: MOF.TAX (S) 700-2/7/1289; PN(PU2)491/IV]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 26(2) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990]

LABUAN BUSINESS ACTIVITY TAX ACT 1990

LABUAN BUSINESS ACTIVITY TAX (EXEMPTION) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by subsection 26(1) of the Labuan Business Activity Tax Act 1990 [*Act 445*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Labuan Business Activity Tax (Exemption) Order 2024**.

(2) This Order shall have effect from the year of assessment 2024 until the year of assessment 2028.

Interpretation

2. In this Order, “qualifying activity” means a Labuan trading activity in relation to Islamic finance for the promoted sectors as specified in column (3) of the Schedule.

Exemption

3. (1) The Minister exempts a Labuan entity specified in column (2) of the Schedule, in the basis period for a year of assessment, from the payment of tax in respect of any of its income derived from a qualifying activity.

(2) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the Labuan entity from complying with any requirement to submit any return or statement of bank accounts or to furnish any other information under the Act.

Separate source and account

4. (1) Where a Labuan entity carries on a qualifying activity, and activity or business other than the qualifying activity, each of such activity or business shall be treated as a separate and distinct source of activity or business for the Labuan entity.

(2) The Labuan entity which is granted an exemption under subparagraph 3(1) shall maintain a separate account for the income derived from each activity or business referred to in subparagraph (1).

SCHEDULE

(1) No.	(2) Labuan Entity	(3) Qualifying Activity
1.	Labuan bank, Labuan investment bank, Labuan Islamic bank or Labuan Islamic investment bank	<p>Islamic banking business that leverages digital solutions and adheres to Syariah principles for:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) raising funds; (b) managing risks including credit, currency and interest risks; (c) taking hedging positions; (d) providing financing or other financial services to customers; (e) managing regulatory capital; (f) preparing regulatory reports and returns; (g) deposit taking for Labuan Islamic bank and Labuan bank approved to carry on Labuan Islamic banking; (h) providing consultancy and advisory services relating to investment matters including dealing in securities or making and managing Islamic investment
2.	Labuan credit token company or Labuan Islamic credit token company	<p>Islamic Digital Token Issuer which:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) issues Islamic credit token or Islamic securities token via built-in technology or outsourced technology;

(1) No.	(2) Labuan Entity	(3) Qualifying Activity
		<i>(b)</i> provides in-house wallet (hot and cold wallet) for storing of Islamic digital token and approved as a payment system operator
3.	Labuan fund manager	<p>Providing fund management services based on Syariah principles and utilisation of digital solutions in respect of Islamic securities including Islamic securities token for:</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>(a)</i> management services; <i>(b)</i> investment advice; <i>(c)</i> administrative services; <i>(d)</i> dealing in securities
4.	Labuan International Financial Exchange	<p>Undertaking the business of Islamic Exchange which is:</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>(a)</i> based on Syariah principles and utilisation of digital solutions in— <ul style="list-style-type: none"> (i) listing; (ii) licensing; or (iii) trading; or <i>(b)</i> based on the rules and by-laws of the Exchange, other matters related to the securities market and financial instruments

Made 10 May 2024
[Perb: MOF.TAX (S) 700-2/7/1289; PN(PU2)491/IV]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Finance Minister II

[*To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 26(2) of the Labuan Business Activity Tax Act 1990*]